


USA - Part 1

Mukadimah

USA, United States of America. Negara terhebat sejak 100 tahun lepas. Semua org tahu negara ni. Baik musuh mau pun rakan. Masa zaman perang dingin (1945 - 1990), USA ni bolehla dianggap sebagai Roman manakala USSR (Soviet Union) pulak sebagai Parsi...ni kalo ikut masa zaman Nabi Muhammad dulu. Zaman tu Rom dan Parsi adalah kuasa hebat. Parsi jatuh dulu ketgn Islam manakala Rom Timur (Bazantium) masa zaman Uthmaniyyah. Serupa laa sekang, USSR jatuh pun sebab bangkrup pasal lawan Mujahideen Afghanistan dan USA...tunngguuu....

Sebenarnya tanah amerika ni dulu bukan hak orag kulit putih. Suku2 kaum tempatan yg kemudian dikenali sebagai Red Indian oleh org Eropah yg mmg tinggal kat tanha Amerika ni dulu. Termasuk laa kaum Inca, Maya dan Aztec di amerika tgh dan Amerika selatan. Ok, kita ketepikan Amerika tgh dan Amerika selatan, kita fokus kat Amerika Utara saja. Org red Indian kat Aerika Utara ni takda kerajaan yg diketahui seperti rakan2 mereka di Amerika tgh dan selatan.

Tamadun Mayan, Aztec dan Inca sungguh luarbasa sampai ada piramid2 besar depa bikin tapi Red Indian ni dgn suku2 kaum dia. Org eropah yg mula2 sekali bikin colony kat tanah Amerika ni kalo tak silap la adalah dari England dgn menaiki kapal yg bernama MAYFLOWER...ada lebihkurang 100 lebih. 100 lebih pun boleh bikin colony....org red Indian diam aje. Pastu pada 1670an org2 Belanda plak bikin penempatan yg diberi nama New Amsterdan yg sekarang dikenali sebagai New York. Pastu beranak2 maka ramai laa org eropah ni pastu berduyun2 lagi datang dari Eropah terutama dari England dan Perancis.....sambung



13 koloni omputih terawal

USA - Part 2

Pra Kemerdekaan

Orang Eropah ni datang dan bertumpu kat sepanjang pantai timur benua Amrika Utara. Segala macam bangasa Eropah sudah mai situ dan kebanyakannya dari England. Konflik dgn kaum Red Indian mmg ada tap kecik2 je laa tapi kalo mat saleh kalah bertempur dgn Red Indian, biasanya kulit kepala mereka akan dipotong buat souvenir, takut jugak omputih,,tu yg koloni kat pantai aje tu, belum nerani masuk pedalaman.

Jadi lama kelamaan bila dah ramai tu mencecah beratus2 ribu orang, mereka pun buat negeri2 lebihkurang 13 negeri kat pantai timur. Bila dah ramai Red Indian pun tak berani nak lawan kat area tu, depa buat trade la pulak dgn negeri2 baru tu dgn menjual kulit2 bison, hasil buruan dan macam2 laa. Lama2 ada yg pro dgn grup England dan juga ada yg pro grup Perancis. Masing2 berseteru dan grup Perancis kebanyakannya di wilayah Kanada.

Kemudian 13 states tadi jadi British protectorate, kemudian serap masuk sebagai sebahagian dari empayar British. Manakala Perancis pegang Kanada dan pedalaman Amerika sikit ,kawtim ngan puak Red Indian. Masa ni juga perdagangan hamba abdi Afrika subur gila kat 13 states tu. Boleh dikatakan setiap hari ada kapal2 Eropah dari afrika angkut hamba2 abdi Afrika ni. Masa tu pertanian amat memerlukan pekerja...solution dia...Kunta Kinte laa.

Kemudia pada 1740an British perang ngan Perancis lak, merebak plak kat koloni2 mereka kat Amerika dan 13 states tadi pun supply manpower untuk askar British, bergabung pu;ak dgn suku2 kaum Red Indian yg pro British, Indian yg pro Perancis plak, angkat senjata kasi tolong sama Perancis dan masa tu dikenali sebagai French Indian War. Dua2 pihak kena tibai dan masa tu, Red Indian laa syok, semua british dan perancis supply pasai nak kan sokongan mereka.

Jadinya keadaan genting aje laa bagi pihak yg berseteru. Tiba2 ada perasaan tak puashati rakyat kat 13 states tu kat British pasai cukai British kasi naik pasai nak support kos perang British di eropah. British ugut pulak nak hapuskan status wilayah autonomi dan jadi 13 states ni direct rules dari King of England. Jadi..Hangin satu badan laa rakyat 13 states tu walaupun mereka ni kebanyakannya pun mmg asal dari England....dan tak lama lepas tu pemberontakan pun bermula..

abg von, dalam kajian nicholas hagger dan telah dipersetuju oleh semua sejarawan, sebenarnya yg start wat koloni adalah time 1607 oleh bartholomew gosnold guna kapal nape godspeed, susan constant dan discovery.. dipanggil jamestown colony.. tapi dalam 1620 lebih rasenye colony tu 'annihilated'.. tapi info semua telah di pas kan.. dari situ bradford yg join geng2 separatist dan puritan(yg jadi governor ntuk plymouth) dapat info.. terutamanya cara nak dealing ngn red indian berdasarkan john smith punye pengalaman ngn pocahontas dan ayahnya powhatans.. tapi kalau di track balik lagi detail, actually time 1570++ dah ade perancangan melalui Humphrey gilbert pastu walter raleigh.. tapi tak berjaya 'colonize' yg menariknye ianya di 'tolak' oleh james I yg org yg bertanggung jawab membawa freemason.. dan kalau diperhatikan tokoh2 ni semuanya rapat ngn francis bacon pengasas freemason(yg membawa freemason ke era yg baru).. nicholas dan 'kwn2'nya yg lain dgor cite dalam proses mendesak kerajaan US ntuk memperbetulkan fakta sejarah ni..

Aha!!! Ni info yg baru betul2 dapat ni, sebelum ni pun tak pernah pulak terbaca kisah Jamestown Colony ni.... Nama Gosnold dan 3 kapal tu pun rasanya tak keluar dalam kebanyakan artikel sejarah Amerika. Kemungkinan besar Jamestown tak berkembang sebagai colony yg lebih besar atau sebab lain. Btw tks Asifadio tentang maklumat ni...boleh korek2 lagi kisah Gosnold ni 😊

USA - Part 3

American Revolutionary War

Mula2 british nak kenakan cukai dagangan seperti teh. Jadi para pemberontak buat satu party. Party ni dikenali sebagai Jamuan teh Boston (Boston Tea Party)...mmg jamuan besar2 an ni hehehe...nak tau camna jamuannya. Kotak2 kayu yg penuh dgn daun teh dari 3 kapal company British iaitu Syarikat Hindis Timur British semuanya kasi humber ke dalam laut kat Boston Harbor. Sebabnya tak setuju dgn dasar percuakaan yg dikenakan oelh British, lebihkurang camtu le....

Bertitik tolak tarik semua, maka Boston Tea Party adalah pemangkin kpd pemberontakan yg lebih besar. Kemudian 13 koloni tu pun bergabung dan mereka sebulat suara memilih untuk tidak terikat dgn British lagi...depa kata " Pigi laa lu British". Jadi takkan British nak diam je, 13 koloni tu adalah wang masyuk bagi mereka, mesti grip mereka. British pun hantar la askar lebih ramai lagi kat situ utk kuatkan cengkaman.

13 koloni pun tak duduk diam...bikin protes besar2an dan pada 1775 perang pun bermula kat Boston jugak. Jadi perang ni terus merebak. Tapi 13 koloni yg kemudian dikenali sebagai American ini tidak keseorangan. Ada aid dari Perancis, Belanda dan Sepanyol. Ketiga2 negara ni mmg tegang kat eropah nun, jadi depa nak bagi lemahkan British laa. Salah seorang pejuang Perancis terkenal yg berkhidmat bersama American ialah Lafayette..last2 terbunuh gak dia kat sinun.

George Washington adalah Jeneral besar American ni. Mula2 mmg seksa George ni, manakan tidak, lawannya iaitu British mempunyai Navy terunggul, army yg tersusun dan berdisiplin berbanding American yg kebanyakannya macam militia aje. Tapi adviser dari Perancis yg banyak beri tunjuk ajar tektik dan teknik....sila tgk filem Patriot lakonan Mel Giibson...mmg era itu.

Perang ni berlanjutan selama 8 tahun dan kesudahannya British kalah kat Yorktown. Lord Cornwallis surrender kat George Washington pada 1783. Tapi USA merdeka pada 4 july 1776...perang baru setahun berjalan? tarikh itu adalah tarikh parlimen 13 koloni istihar merdeka secara haram dari British. Dan mereka tetap ambil tarikh dan tahun 1776 tu sebagai hari kemerdekaan USA.



Bendera semasa perang revolusi

USA - Part 4

Post War Period

Lepas perang kemerdekaan tu....US dah ada kerajaan sendiri dgn 13 negeri tu la dan George Washington ni jadi Presiden Pertama. Dia pegang 2 penggal aje selama 8 tahun, Lepas dia, John Adams dan Thomas Jefferson plak jadi Presiden yg ke 3. Masa siThomas and friends ni laa US ni benar2 expand. Pada 1803 dia ada buat deal dgn pihak Perancis. Perancis tawar tanah dia kat tgh2 US (skang ni) ni untuk dijual kat Kerajaan baru ni. Thomas and friends setuju beli dgn harga sekitar 60 juta francs pada masa tu, USD 219 juta saje pada nilai hari ni...mmg berbaloi2.

Pasai apa Perancis jual? Pasai masa tu Perancis di bawah Napoleon Bonaparte tgh berperang besau dgn kuasa2 eropah lain. Perang besau tu namo eh ialah Napoleonic War. Jadi wang masyuk mesti banyak. Maka bertambah2 luas laa wilayah US ni. Lagi satu proses menghambat Native American (Red Indian) terperosok ke barat lagi supaya tanah2 mereka dapat diambil org org kulit putih ni. Peperanagn antara kerajaan US ni dgn puak2 Red Indian banyak jugak masa ni.

Tak cukup belash Red Indian, USA ni pulak saja cari pasal dgn Mexico plak. Mula2 wilayah Texas yg besae tu mmg rg Mexico punya. Kemudian Mexico bagi laa peluang org2 kulit putih US ni bangunkan wilayah tu... tapi tu laa dia omputih ni...bagi jari nak lengan, bagi lengan nak seluruh tgn. Begitulaa yg terjadi pada Mexico ni. Omputih ni dah buat Texas ni mcm atuk nenek dia punya company je. Jadi diktator Mexico masa Jeneral Santa Anna pun hantar bala tentera untuk amik balik Texas. Omputih yg duk situ melawan...emmm apalagi perang laa.

Teruk omputih ni dikerjakan dek Santa Anna dan omputih ni pun berundur ke kubu terakhir iaitu ALAMO. Last2 koloni omputih ni pun surrender laa dan Santa Anna ni conquer balik Texas (ada filem kisah ni tajuk dia ALAMO jugak). Jeneral Santa Anna pun perasan la yg dia kuat dan dia sendiri menggelarkan diri dia Napoleon of the west. Tgh gelak2 ala ala Ajis satar mcm dlm filim alibaba BL tu, tup2 militia2 kulit putih dgn bantuan tentera US sudah mara.

Dan peperang antara US dan Mexico pun berlaku. Last2 Santa Anna ni kalah teruk sampaikan capital Mexico iaitu Mexico City pun dah kena tawan dek USA. Jadi peace agreement pun dibuat laa dan syarat2nya ialah dekat separuh wilayah Mexico kena bagi kat USA termasuk California dan Texas dan banyak lagi dan Mexico tinggal seperti yg ada skang...bengang je Mexico. Habih nak buat camna, dah kalah. Punyalaa besar territory. Tu pasal laa nama2 seperti Los Angeles, Santa Barbara, New Mexico, Las Vegas, Buena Vista tu semua berbau Sepanyol...pasai asalnya mmg Mexico yg berbahasa Sepanyol yg punya....

Dan lagi masa Thomas Jefferson ni, ramai explorer dah ke barat untuk ekspedisi menjelajah. Yg terkenal ialah Louis and Clark (komik superman mmg amik nama depa ni laa bikin watak..tak payah susah2 writer tu nak pikiaq) dgn bantuan waniTA Red Indian iaitu Sacawajea (cer tgk night in the museum). Bila dapat peta US gomen pun kasi claim laa wilayah tu mereka yg punya...terhenyak laa lagi kaum Red Indian ni....tu yg besau nampak US ni skang...ada lagi wilayah dia dapat lepas ni...nanti laa citer....



Peta termasuk laa yg beli kat Napoleon "Lousiana Purchase" dan yg dapat dari Mexico tu..

USA = Part 5

Hamba Abdi

USA ni kalo tak citer pasal hamba abdi (slavery) mmh tak sah. Macam minum kopi O takdak gula. Misal kata la Slavery tak dak kat USA dulu sudah tentu takda irama jazz, blues dan kaum kulit hiram di Amerika sekarang ni. Ini adalah kisah sedih dalam sejarah USA., mengenai penindasan melampau2 dan kezaliman melampau10x kaum kulit putih yg tadak langsung hati perut. Kalau kita tgk sekali imbas, nampak macam buruh paksa aje tapi sebenarnya lebih dari itu.

Jadi bison atau elk lagi bagus dari jadi hamba abdi kat USA ni. Mereka ni dilayan bukan sebagai manusia, silap sikit, lambat ke...pasti tali ikan pari tu akan hinggap kat badan hamba2 ni. Anak bini hamba2 kalau yg dah kahwin tu akan dibuat sesuka hati oleh majikan kulit putih mereka. Dipisahkan mereka atau dijual pada majikan lain utk dapat untung, yg mana ada rupa2 Beyonce tu majikan pi simpan kat rumah buat jadi tukang masak dan sebagainya. Ada juga majikan yg baik tapi sikit sgt.

Mini series tahun 70an dan 80an seperti Roots (Kunta Kinte), Centennial dan North and South ada paparkan kesengsaraan kaum hamba ni. Masa British lagi perdagangan hamba abdi pada 1600an dah berkembang. Kena pulak ladang2 tembakau, kapas semakin membesar jadi manpower amat2 diperlukan. Sebelum tu mmg ada buruh afrika yg dibawa masuk dan setelah tamat tempoh, buruh Afrika ni dilepaskan dan bebas. Tapi lama kelamaan majikan2 ni rasa tak berbaloi, kena pulak pulak buruh2 yg dilepaskan tu telah mempunyai skil yg tinggi.

Jadi depa pun pakat2 bikin hamba abdi paksa punya dan agen2 dihantar kat Afrika untuk memburu org2 Afrika untuk dijadikan hamba. Yg dibawa masuk ke USA tu bukannya asal2 ugama Kristian. Ada yg animisma, Islam pun ada tapi bila sampai kat majikan kulit putih ni, mereka dikristiankan secara automatik. Itu pasal laa bila org kulit hitam Amrika ni sekarang bila mereka cari susur galur mereka kat Afrika, mreka dapati ancestornya adalah oprg Islam belaka.

Ini berlaku pada pengarang buku novel Roots, iaitu Alex Haley. Dia buat buku tu berdasarkan research dia mengenai nenek moyangnya dan mmg moyangnyalah yg bernama Kunta Kinte tu dan dia adalah Muslim. kebanyakan hamba2 ni kemudiannya banyak di daerah2 selatan kerana di sinilah emas putih (kapas) beratus ribu hektar ladangnya. kemudian nampak la lampu minyak tanah kat hujung terowong gelap tu.....Pada 1860 Abraham Lincoln bercadang untuk memansuhkan hamba abdi ni.....

SA - Part 6

Perang Saudara Amerika

Abraham Lincoln dah menang Presiden masa election 1860. So janji dia semasa kempen ialah nak hapuskan hamba abdi dan lain2. Tentulah ini berita gembira bagi hamba abdi kulit hitam ini. Tapi negeri2 di selatan USA ni menentang. Mereka tak setuju hasrat Lincoln. Lincoln tak hirau, dia kata aku dah menang, sukati aku la apa aku nak buat! Emmm apalagi negeri2 selatan punancam laa nak berpecah dari USA. Lincoln kata kalo berani buat laa...

Memnag dibuatnya betul2 negeri2 selatn ni. Ada 14 negeri kat selatn tu yg bersetuju nak tubuhkan kerajaan sendiri. Diorang siap lantik Leader selatan iaitu Jefferson Davis, siap buat lagu national anthem sendiri siapkan askar2 sendiri. Ini semua adalah kerana kehendak ekonomi pihak selatan. Pasai apa, selatan ni sumber ekonomi nya dalah perladangan terutama kapas dan sebagainya, malah kapas masa tu dah macam emas putih, permintaan cukup tinggi.

Jadi tulang berlagang yg nak mengerjakan ladang beratus ribu hektar ni ialah hamba2 abdi ni laa. kalo takde hamba abdi nnti depa rugi...nak kena bagi gaji yg dah tentu lebih mahal berlipat ganda dari abdi nih. Nak tak ndak kena lawan Lincoln ni. Kemudian bila Lincoln ni dah dgr2 macam ada pemberontakan kat selatan, dia pun hantar laa askar2 untuk bikin pos2 tentera kat arah selatan iaitu Fort Sumter. Tgh2 bikin pos2 tentera tu , pihak selatan dah bertindak menyerang mereka.

Jadi pada 12 april 1861 perang pun bermula antara pihak utara yg diketuai oleh Presiden Abraham Lincoln dan pihak selatan yg dinaungi oleh Leader Jefferson Davis. Pihak utara dikenali sebagai Union dan pihak selatan pula lebih dikenali sebagai Confederates. Ini bukan perang yg kecil2. Ini adalah perang skala besar. bayangkanlah USA tu besar mana. Lebih 70% area dia terjebak dalam peperangn, lebih besar kawasan eropah Keseluruhannya. Berbagai2 teknologi baru telah digunakan dalam perang seperti contoh kapalselam dan kapal2 besi ironcladnya Merrimac n Monitor.

Banyak filem2 dan tv miniseries memaparkan era ini seperti North and South, Glory, Gettysburg, God and Generals, The Cols Mountain dan banyak lagi. Pernag gila besau ni berlanjutan selama 4 tahun. Jumlah askar2 yg terkorban ialah seramai 365 ribu Union dan 260 ribu Confederate. Tak termasuk org awam dan yg tercedera lagi tu....Jeneral Grant (Union) dan Jeneral Lee (Confederates) adalah jeneral tertinggi kedua2 pasukan.

Dipendekkan citer pada 22 jun 1865 perang pun tamat dgn kekalahan teruk pihak selatan iaitu Confederates. Jadi hamba abdi dihapuskan. Lincoln tak sempat nak tgk hasil ushanya sebab tak lama kemudian beliau pulak ditembak mati oleh John Wilkes Booth semasa Lincoln tgh tgg pementasan Bangsawan. Kemudian tak semuanya berjalan lancar untuk abolishkan hamba abdi ni. Ada org kulit putih selatan ni kemudian bikin satu group untuk menindas kaum kulit hitam kat area merreka...Nama kumpulan ni ialah Ku Klax Klan.....



USA - Part 7

Ku Klux Klan

Selepas tamat perang besau iaitu perang saudara Amerika, Undang2 memansuhkan hamba abdi dijalankan. Jadi takde lagi boleh simpan hamba. Kalu nak org kulit hitam ni kerja kat ladang2 mereka kat wilayah selatan tu, majikan2 bekas warga Confederate ni kena hire atau gajikan mereka, kalo tidak...boleh, mmg boleeeeh, boleh belah. Jadi majikan2 kat selatan tu tentu sekali berasa rugi (sebenarnya masih untung tp untung menyusut).

Jadi mereka mmg rasa sungguh tak puas hati...pastu tgk plak kehidupan org2 kulit hitam ni semakin maju dan dah nak sama ngan mereka plak...jadi mereka berasa macam terancam laa sikit..kemudian ada antara mereka menubuhkan satu kumpulan racists dgn motto white supremacy nya...apa2 hal org kulit putih laa kepala...org kulit hitam kena tunduk kat mereka macam sebelum perang dulu....kumpulan ni makin lama makin besar, bila dah besar kuasa2 tempatan pun takut nak tegur...


Dan bermula pada 1865, kumpulan racist yg dinamakan Klu Klax Klan telah memulakan aksi ganas tersohor mereka. Merka akan membelasah org kulit hitam ni bila nampak dan pada waktu2 tertentu mereka akan membakar rumah org2 kulit hitam y mereka aim dan mereka akan gantung sesiapa org kulit hitam yg mereka tak suka sampai mati kat dahan pokok dan kemudian mereka akan membakar salib...menandakan mereka berkuasa...Klu Klax klan Powerrr!!!!.

SELalunya perkara2 ni berlaku kat bandar2 terpencil atau pekan2 teropencil di selatan Amerika. Mererka kerap memnaggil og kulit hitam ni Nigger! Kadang2 pihak berkuasa tempatan tak leh nak buat apa pun. Maka ramai laa yg jadi mangsa. Benda ni bukan setakat tahun2 1800an, malah memasuki abad ke 20 teruntama kemucaknya pada 1920an.

Kebayakkan wilayah2 terpencil kat selatan amerika ni dah macam pakai dasar Apertheid kat Afrika Selatan dulu....

Org kulit hitam tak leh naik bas yg sama, tak leh masuk kedai yg sama...ada klas tinggi dan rendah...malah pada tahun 60an pun Cassius Clay (Muhammad Ali) pun didiskrimainasi dizaman kanak2nya...tak boleh naik bas yg ada anak org kulit putih....dan hey day Klu Klax Klan ni adalah pada 1925 dgn keanggotaan sehingga 6 juta org kulit putih.

Ada juga kes2 bunuh org kulit hitam dibawa ke mahamah tapi pastu kes sapu bawah tikar aje...white man kata...lu sapaaa, we are the master!!!! Jadi org2 kulit hitam ni sungguh tertekan. Asyik kena pressure aje tak habih2...oleh kerana itu maka tertubuh laa pulak kumpulan2 kulit hitam ni yg memperjuangkan kebebasan mereka...maka muncullah nama2 besar org kulit hitam Amerika ni plak seperti....Wallace Fard, Martin Luther King, Elijah Muhammad, Malcom X dan baaanyakk lagi....



Ni laaa kumpulan Ku Klax Klan pada 1920an...masa ni depa tgh power...dia kalo nak buat operasi belasah org kulit hitam, bakar rumah , bunuh kaaa...biasanya ni laa dia sarong....dan kasi bakar salib. Stail diorang pakai ni depa amik masa zaman perang salib tu macam Knights Templar, Teutonic Knights suma tuu.....

USA - Part 8

Black Movement

CHAPTER 7 kisah Ku Klax Klan....depa kasi pressure Blacks ni last2 man laa nak tahan diorang. Jadi banyaklaa organisasi2 dan persatuan org kulit hitam ni tumbuh tapi tak berapa kuat laa. Dan pada tahun 1920an ada satu org kulit hitam yg bernama Wallace Fard ni tubuhkan satu organisasi yg makin lama makin besar dan pada tahun 1960an irganisasi yg ditubuhkan Wallace telah mengkadi maju dan ramai org2 kulit hitam seluruh USA joined.

Nama pertubuhan ni ialah "Nation of Islam". nak tau lebih lanjut pi kat Album kisah sejarah dan klik kat bendera bulan sabit terbalik ngan bintang latar warna merah dan ada huruf J n F tu...Bendera dia ni sekali pandang macam bendera Turki. Ada nama Islam kan? Tapi sebeanrnya pertubuhan ni hanyalah untuk kelangsungan bangsa kulit hitam Amerika atau Black supremacy aje. Kalo tgkkan amalan depa mmg bercanggah dgn amalam Islam.

Mr.Fard adalah founder kumpulan ni dan masa Elijah Muhammad, kumpulan ni begitu kuat dan adakala berani melawan pihak berkuasa dan salah sorang org kuatnya ialah Malcom X. Dia selalu mencabar kumpulan2 kulit putih dan adakalanya sampai ada pertempuran2 antara mereka. Dan lagi pada tahun 60an jugalah Martin Luther King Jr.muncul dgn kuasa tekanan diplomasinya ke atas kuasa omputih...malah dunia pun mengenalinya.

Tekanan2 dari kumpulan2 inilah yg membawa kepada kebebasan yg lebih meluas bagi org2 kulit hitam Amerika. Pada masa perang dunia pertama tak ada sorang pun anggota tentera kulit hitam yg diberikan peluang berjuang di barisan depan, tukang masak, tukang kebun tentera ada laa. Perang dunia kedua mereka (kukit hitam) mmg ada berjuang dibarisan depan tapi sedikit dan cerita2 keberanian mereka dipinggirkan cuma sekarang mereka akur tentang kehebatan tentera kulit hitam ini.

Masa perang Vietnam laa, tentera2 kulit hitam diberi peluang sebesar2nya untuk bertempur tp pegawai berpangkat besar masih kurang. Bermula perang Iraq baru laa nampak equal antara omputih dan kulit berwarna berdasarkan kemampuan mereka.

Pada 1890an, teknologi telah berkembang pesat di USA...siapa dia Thomas and friends? bukan ketapi tu....yg ini...Thomas Alva edison dan kengkawanya seperti Alexander Graham bell, Henry Ford, Samuel Morse...nnt kita sambung...



Malcolm X dan Cassius Clay yg kemudian bertukar nama - Muhammad Ali..the greatest boxer tu. Ali ni masuk Islam pasai tertarik dgn Nation of Islam ni sebab organisasi ni kuat melawan ketidakadilan sistem berat sebelah. Tapi kemudian Ali sedar dan dia mengikut jejak Malcom X ni keluar dari NOI dan melafazkan kalimah syahadat dan menjadi Islam Sunni. kedua2nya arwah Malcom dan Ali telah menunaikan Haji di Mekah.....

USA - Part 9

Revolusi sains dan industri

Masa perang saudara Amerika dulu macam2 penciptaan khas untuk peperangan dibuat khasnya oleh pihak utara. Selepas perang tamat segala teknologi dan pnciptaan2 tersebut dihalakan untuk menaikkan ekonomi USA. Contohnya seperti landasan keretapi. Beribu2 km jaringan landasan keretapi ni berselirat di utara dan proses pengembangannya meluas terus ke selatan..

Telegraph dan Morse code. Berpuluh ribu tiang2 menghubungkan kabel untuk teegraph dibina oleh pihak utara sewmasa perang dulu dibina kemudian disambung terus ke wilayah2 selatan dan perhubungan semakin mudah,,,walaupun cara main tekan2 panjang pendek atas satu litar tp message akan sampai.....sebelum ni pakai Phony Express (utusan naik kuda) dan yg best sekali pasang unggun api, pakai asap tutup buka dgn kain pastu pukul gendang dan baca mentera...kakhakah!!!!

Message dan laluan keretapi semakin melonjakkan ekonomi USA. laluan landasan keretapi dan talian telegraph adalah yg terbesar sekali di dunia pada 1890an. Kemudian penciptaan telefon lak oleh Alexander Graham Bell (bukan gigi geraham ya) Dia ni mmg inventor US. Sikit2 telefon menggantikan telegraph...tak payah nak ketuk2 litardgn Morse Code...skang boleh dgr suara pulak...bertambah laju laa lagi ekonomi Uncle Sam dol ni...Eropah yg sebelum ni mendominasi dunia seakan2 ketinggalan dah...mereka semua memandang ke Amerika.

Dan ramai2 pulak org2 eropah ni berduyun2 berhijah ke USA termasuk bermacam2 pakar, saintis, propesyenal, peniaga2 yg berjaya dan yg tak berjaya dan juga bandit2 serta mafia2 dari Italy. Dan org yahudi dari eropah barat dan timur (mereka ni banyak pi New York). Tak lama lepas tu Thomas Alva Edison plak bikin gempak siut!!! kalo org2 dulu mesti ingat kuasa ajaib punya atau ada bela jin.....Dia ni suda kasi cipta lampu atau bulb pakai elektrik dan pencipraannya ini adalah gemilang bagi manusia manuisa yg hidup di dunia ini....malam dah boleh buat macam2 aktiviti pasai dah teranng!!

Kemudian meluas ke bandar2 besar dan USA pada masa ini adalah negara terhebat dari segi Industri dan pencapaian sains. Itu belum cukup gak lagi.....Pada 1890an juga German dah mula buat kereta sebenar... Gottlieb Daimler sudah bikin satu kereta pakai petrol...depa buat pakai tangan dan merebak ke negara maju eropah seperti France, UK, Italy tu suma... Tapi pada awal 1900an kalu tak sillap pada 1904 kut...itu Henry Ford suda bikin gempak lagi satu kali...Dia boleh buat kereta secara besar2 an....

Bukak kilang besar dan hasilkan kereta pertama Model T secara rapid sekali dan adala machine2 asas untuk buat komponen model T ni.....Haaaa....meleleh air liur pengeluar kereta eropah nengokkan.....ni nak perbetulkan sikit fakta...buku teks sejarah sekolah rendah masa 70an dulu mengatakan bahawa Henry Ford adalah pencipta kereta, fakta itu ada sikit tersasar....Henry Ford adalah pengasas perngeluaran kereta besar2an.

Total model T dihasilkan adalah sebanyak 15 juta buah sehingga tahun 1927. Total ini hanya berjaya dipecahkan oleh kereta Jerman yg diilhamkan oleh Adolf Hitler iaitu Volkswagen Beetle iaitu sebanyak 21 juta buah...phew!!!

USA - Part 10

Hollywood

Sekarang dah masuk abad ke20, yakni era 1900 ke atas. Yg lepas kita citer pasai industri perkilangan dan teknologi USA.

Pastu pada 1914-1918 USA join perang dunia pertama, yg cite perang ni kita skip pasai dah citer pada topik lepas. So pada era 20an , yg paling ketara di US masa tu ialah kemunculan kuasa industri hiburan terutama filem. Sebelum ni depa ada laa buat filem kecik, thatre dan ala2 bangasawan di pantai barat USA terutama di New York.

Kemudian Alva Edison ada cipta macam kamera mudah alih tp berat nak mampuih dan adala 2,3 penusaha film cari tempat yg panas sepanjang tahun. Tempat tu ialah di Los Angeles, California. Nama tempat tu ialah Hollywood. kalo ada member yg kata dia pi bercuti musim winter kat Los Angeles, mmg sah laa member tu tipu (pasai ada kes..hehehe nak nipu, tp geography failed hahahha). Berbalik pada topik yaa. so depa pun bikin laa filem.

Kemudian berduyun2 poduser filem turun kat Hollywood dan bikin studio besar2 punya dan pada era 20an adalah era filem bisu. Macam2 citer ada tp yg org sekarang pun tahu ialah Charlie Chaplin dan Harold Lloyd, pelakon komedi terhebat filem bisu. Masa ni market filem hollywood adalah seluruh benua Aerika dan Eropah saja, belum meluas lagi....kita kat tanah melayu dulu era ni adalah era wayang kulit dan pentas bangasawan.

Masa filem bisu ni dah muncul film star. Pastu masuk era 30an, suara diperkenalkan, masa ni ada kelam kabut sikit kat cinema2 Amerika. Tgh2 tggk wayang suara lambat keluar dan kadang2 suara perempuan jadi besar dan lambat...kalo tggk filem sedih dgn masalah ni, filem sedih tu boleh jadi filem lawak. Tapi lama kelamaan pada mid 30an masalah suara dapat diatasi dan Hollywood adalah pengeluar filem terbesar di dunia.

Dan pada 1939, filem epic Gone with the Wind menjadi filem termasyur di seluruh dunia, dan lagi filem animinasi pertama di dunia oleh Walt Disney dgn filem Snow White betul2 menaikkan Hollywood, malah Hitler pun suka filem kartun ni. Lepas WWII, kuasa Hollywood berkembang lagi dan studio2 besar seperti Metro Goldwin Meyer, Universal Picture, Columbia Pictures betul2 menguasai dunia perfileman dgn filem2 budget mega blockbuster.

Filem The Ten Commandments, The Sand of Iwojima, Singing in The Rain, Ben Hur, The Thief of Baghdad...dan filem2 besar lain betul2 buat duit punya malah ketika ini kuasa lobi Hollywood boleh menggoncang White House. Kemuadian pada 60an televisyen pulak ada (50an dah ada kat USA daah), jadi industri filem merosot tapi naik balik bila video keluar pasai depa selain jual filem kat cinema, video pun bole buat duit jugak dan sekarang CD plak.....

Dan sekarang walaupun filem Hollywood adalah yg terhebat dari segi teknologi dan kualitinya (tak termasuk jalan cerita ya) tpi Hollywood berada di tangga ke 3 pengeluar filem terbedar dunia di belakang Nigeria (Nollywood) dan India (Bollywood, Mollywood, Woodward's grape water suma tuuu).



Aaa ni dia film star Hollywood dulu2. Ada yg masih hidup sperti kirk Douglas tuuu...

Golden Age of Hollywood. 1st row, l-r: Greta Garbo, Humphrey Bogart, Lauren Bacall, Clark Gable, Katharine Hepburn, Fred Astaire, Ginger Rogers, Marlon Brando, Marx Brothers, Joan Crawford. 2nd row, l-r: John Wayne, James Stewart, Buster Keaton, Claudette Colbert, Gene Kelly, Burt Lancaster, Judy Garland, Gregory Peck, Elizabeth Taylor, Kirk Douglas. 3rd row, l-r: Bette Davis, Audrey Hepburn, Jean Harlow, Alfred Hitchcock, John Ford, Howard Hawks and Lauren Bacall, Grace Kelly, Laurence Olivier, Marlene Dietrich, James Cagney. 4th row, l-r: Ava Gardner, Cary Grant, Ingrid Bergman,

Henry Fonda, Marilyn Monroe, James Dean, Orson Welles, Mae West, William Holden, Sophia Loren. 5th row, l-r: Vivien Leigh, Joan Fontaine and Gary Cooper, Spencer Tracy, Barbara Stanwyck, Lillian Gish, Tyrone Power, Shirley Temple, Janet Leigh and Charlton Heston, Rita Hayworth, Mary Pickford.

HelangRimba wrote:

von_trapp wrote:

Salam Kerianers, misal kata General Lee menang kat Gettysburg! Pendapat wa laaa, Union tetap akan menang. Pasai apa sumber2 untuk meneruskan peperangan bg pihak Confederate semakin berkurangan dan penggantinya subgguh ciput dan lambat sekali berbanding ngan Union. Walaupun arah peperangan nampak cam berpihak pada Condederate tapi benda2 sokongan melimpah ruah untuk Union.

jaringan keretapi yg berselirat dibina oleh Linclon, industri pertahanan begitu konsisten mengeluarkan alat2 peperangan, manpower unlimited dan navy yg kuat, itu semuanya tunggu nak meletop bagi pihak Union. Tapi walau apa pun, tntangan yg sgt sengit Confederate akan diterima oleh pihak Union. Statistik perang pun kalo kita tgk, asakar union lebih ramai terbunuh dari askar Cofederate, alat2 kelengkapan Union pun banyak yg musnah dari confederate... 🤔

Aku setuju dengan kerianiers, sebab perancangan diorang bila dapat menewaskan Union kat Gettyburg diorang akan serang washington dc yang mana ketika dah sangat lemah. satu lagi sebab confederate kalah adalah kehilangan jeneral terbaik diorang iaitu Thomas Jonathan "Stonewall" Jackson. Confederate kalah juga kerana Blockage yang dibuat oleh Union berjaya.. kalau ikutkan pihak europah semua nak tolong Confederate.

Salam HR, berkenaan kemungkinan Confederates tawan Washington DC...katalah Union tewas kat Gettysburg...masih ada lagi ke kekuatan depa nak pi terus serang Capital City ni. Sudah tentu depa kena tunggu lagi untuk menguatkan menyegarkan kekuatan sebelum pi serang lagi dan kita maklum chaon supply pihak Confederate ni tak cantek, banyak loophole...jaringan ketapi pun tersangat laa kurang, line telegraf pun ciput, nak kena pakai kuda gak untuk sampai mssg, tak seperti Union, so dgn benda2 macam ni, boleh ka Confederate tawan Washington DC, Katalah depa berjaya tawan Washington tu, depa boleh hold ke?

Dgn sea blockade lagi...jgn lupa industri Union! katalaa Lee menag kat Gettysburg, belum pun sempat Lee nak ambush ke utara, segala kelengkapan pertahanan dgn manpower akan dikerahkan ke selatan dgn kadar yg amat laju sekali compare ngan Lee...keretapi tu tuan2 dan puan2....Transportation yg paling berharga pada masa tu....just hantar mssg pakai morse code, supply akan dtang mencurah2...dan terbukti pun...walau pun tentera Confedrate nampak cam power pada mulanya tapi ianya kalah secara perlahan2....Union walau pun nampak cam amaturnya je masa mula perang (statistik menunjukkan masa permulaan perang laa askar Union ni banyak

yg terbunuh)tapi kemudian muncul jeneral2 yg ada kredibiliti macam Grant, Sherman, Sheridan, McLellan tu semua.

Eropah mana ada nak tolong sgt...Britain dan Perancis nampak beriya2 nak tolong pada mulanya tapi depa banyak tunggu dan lihat arus peperangan...ada laa sikit depa bantu tp cipur sgt. Navy Union mmg Confederate takleh buat apa...adala sekali sekala perang kat laut macam kapal besi Monitor ngan Merrimack tu....tak membantu Confederate pun..aaa ada satu lgi kapalselam Confederate tu....sama jugak serang sekali lewpasa tu terus karam. yg pasti Confederate punya supply chain tak cantik dan Confederate walau apa pun takkan dapat menang total dalam American Civil War ni....pandangan wa laa 😊

USA - Part 8

The Great Depression

Tahun 20an USA kira mantap laa macam yg kita citer pada chapter yg lepas. Tapi bila masuk 1929 suasana ekonomi mula berubah. Bursa saham Wall Street jatuh mendadak....Bila Wall Street jatuh, yg lain pun ikut sama laaa....pasarannya merudum, bila pasaran jatuh, kilang2, ladang2 yg luas dan segala yg berkaitan ekonomi tak mengembang. Bank menghadapi masalah yg serupa. Bila orang ramai dah tak yakin dgn bank, mereka beramai2 mengeluarkan saving masing2 dan ada yg bank jatuh muflis, bila dah muflis saving pun terbang sama. Ekonomi tak boleh nak gerak pasai duit pusingan dari bank dah terlalu berkurangan. Kerajaan terpaksa lancarkan bond itu, bond ini tapi amik masa nak pulihkan ekonomi USA.

USA masa tu adalah ekonomi terbesar, bila US kena, banyak negara yg terlibat sama terutama Canada dan negara2 barat lain yg ada kerjasama ekonomi ngan USA. Bila bank takleh buat pinjaman, banyak kilang2, ladang2 terpaksa tutup dan perkhidmatan sokongan untuk dua sektor terbesar ni pun merudum. Jadi sudah tentu pasaran kerja jatuh. Unemployment asdalah yg tertinggi dalam sejarah USA setakat ni iaitu lebihkurang 21% dalam pasaran kerja kat US pada dekad 30an. Kegawatan ekonomi ni berlarutan sehingga nak masuk prang dunia kedua iaitu pada 1939.

Jadi dalam tempoh tersebut beramcam2 masalah timbul, salah satu kadar jenayah adalah yg tertinggi dalam sejarah. Kadang2 watak2 antagonis ni plak diangkat jadi hero masa tu. Pencuri baik dan bank Jahat.....abih dah sakit hati semua bole jadi...sapa tak kenal Bonnie and Clyde...sepasang kekasih kerje dia merompak boleh jadi icon rakyat. Gang2 mobster bercambah terutama kat Chicago dan bandar2 besar lain...gangster ni plak buat business haram cam pusat judi, buat samsu, aaaa jadi Ah Long kaw kaw lagi!!!

Peniaga nak pinjam kat bank payah, so tpaksa laa pinjam kat mobster...bunga berganda2 dari

pokok, pasu tak kira lagi tuu.....sudahnya perniagaan beralih tangan kat ganster2 nih...jadi business gangster ni berkembang. Biula dah dapat legal business, mereka boleh beroperasi secara bebas....tapi busines haram mereka berselindung dgn nama business halal mereka yg mereka dapat dari tokey2 yg tak mampu bayar tuu....

John Dillinger, kepala mafia bukan main power lagi masa tu, Al Capone walau pun kena jail kat Alcatraz masa tu tapi pengikut dia bikin business as usual.....masa ni mmg masa susah USA.....suasana USA masa tu serupa macam negara2 dunia ketiga pada hari ini.....yg kaya bertambah2 kaya dan hensem manakala yg miskin bertambah2 miskin dan comot.

Bila masuk perang dunia kedua, kegawatan dah mula berkurangan dan yg paling penting, disebabkan keperluan material peperangan untuk berdepan dgn Jerman dan Jepun, keseluruhan industri, pertanian dan perkhidmatan digerakkan secara besar2an dan tenaga kerja baik lelaki dan perempuan amat diperlukan dan lagi plan kerajaan untuk maghadapi kemelesatan sejak 10 sebelum telah menampakkan kejayaan dan semua resources yg ada telah didumpkan untuk peperangan di eropah dan di pasifik.....ekonomi mula pulih perlahan2 di akhir dekad 30an.....

Untuk skang...fokus kat ekonomi eropah...jgn ingat eropah jatuh kita tak kena tempias....cuma lambat ngan cepat aje...

Ingat masa recession 1986 dan 1998! Singapore kena impact paling teruk...kemudian kita plak kenaa.....sektor perkhidmatan awam tak berapa terjejas sgt tapi sektor swasta?



Aaaa ni bukan kat negara dunia ke3, tp kat USA pada tahun 30an

USA Part 9

Perang Dunia Kedua

Tak payah buat essay laa bab ni pasai dah panjang lebar kita cerita kat notes2 lepas. So kita bagi point2 ajer laa.

- Jepun serang Pearl Harbor , Hawaii pada 7 december 1941...terperanjat chimpazee amerika dibuatnya...
- USA declared war on Japan berkuatkuasa serta merta. Buat masa ni USA tak involved perang ngan Jerman.
- 4 hari kemudian, Hitler declare war on USA plaak, pasai Jepun tu geng dia....smart partner.
- Tak pasal2 USA terjerumus dalam 2 zon perang yg berbeza..satu kek Eropah dan satu lagi kat Pasifik.
- Britain suka USA join perang sebab ada geng, walau pun Rusia kira geng tapi Churchill menyampah ngan Stalin.
- USA join perang, penyapalai (supplier) terbesar alat2an tentera kpd pihak allied British dan Rusia.
- USA mula2 masuk perang asik kena blasah kaw kaw punya.....kat Afrika utara kena blasah ngan Rommel.
- USA kat Pacific tergolek tergelantang kat Guadalcanal (dekat2 papua new guinea skang ni)...maklum laa rookies.
- Jeneral Mac Arthur cabut dari Filipina pasai Jepun dah masuk Filipina tapi last sebelum belah dia cakap " i SHALL BE BACK" macam terminator je bunyii...hehehe
- Tapi respect gak kat US ni....kena blasah pun dia hantar gak askar lawan Jerman dan Jepun, lama2 experienced laa.
- 1942 pihak allied dapat conquer Afrika Utara, Rommel cabut balik Berlin.
- 1943 turning point kat Pacific, USA dah mula menang, dapat satu pulau ke satu pulau.
- Pada 6 jun 1944...D-Day dilancarkan (Deliberate day) .Jeneral US, Eisenhower jadi keseluruhan commander allied.
- Proses penaklukan Eropah dari Hilter diteruskan.
- US Marine berjaya tawan pulau ciput Iwojima dgn kos nyawa dan equipment yg sangat tinggi..

- Iwojima...US marine terbunuh +- 7 ribu org namakala defender Jepun..hampir keseluruhan askar +- 21 ribu terbunuh.
 - Kemarran US, British tersekat kat Ardennes Forest, Belgium masa musim sejuk 1944....19 ribu askar US terbunuh.
 - Serangan besar2an terakhir oleh Jerman tp bila musim sejuk berakhair Jerman mula berundur,,supplies tak cukup.
 - US British mara ke Jerman sebab mau borak2 minum kopi sama Hiltler dan Eva braun.
 - Pada May 1945, jerman totally kalah sebab Rusia dah conquer Berlin dan askar US bertemu askar Rusia si Sg Elbe.
 - 8 May VE day (Victory Europe day) dan US bersama Rusia telah menjadi kuasa dunia Utama.
 - Jepun belum kalah lagi masa ni....US pening kepala camna nak jinakkan Jepun niiii...
 - Nak dapatkan pulau keicik Iwojima pun seksa, pastu Okinawa pun lagi seksa walau pun dpt tawan...berpuluh ribu mati.
 - AJK kampong USA menganggarkan kalo nak tawan 4 pulau utama Jepun, mau korban sehingga sejuta askar US.
 - Masa tu bom atom pun dah ada, jadi depa amik jalan senang laa.
 - Bom atom pertama (Little Boy) digugurkan kat Hiroshima..KEBABOMMMMMM!!!! hasilnya 166 ribu maut!
 - Bom Atom kedua (Fat Boy) digugurkan kat Nagasaki...KEBABOMMM LAGIII!!!! hasilnya 80 ribu maut!
 - Maharaja Hirohito terus masuk radio dan declared Jepun surrender tanpa syarat dan perang dunia kedua pun tamat.
- 1945 - Sejak tu USA telah menjadi super power bersama2 Soviet Union....kita masa tu kekenyangan takde zat dek makan ubi kayu aje!!!

Pastu USA camna? Tungguuuu!!!!



USA Part 10

Perang Dingin

Selepas perang dunia kedua yg berakhir pada 1945, USA dan USSR telah menjadi kuasa besar. Kuasa separuh besar pulak ialah Britain, Perancis dan China. Antara USA dan USSR ni ideology memang berbeza. USA kapitalis manakala USSR pulak Komunis. Jadi memasing mulalah nak cari pengaruh, lagi pun kuasa besar yg kuat dulu seperti Jerman dan Jepun dah takda.

USA mula mengorak langkah dgn menubuhkan Nato pada 1949. Anggota2 Nato ni asalah negara2 Eropah Barat termasuk Utara Amerika iaitu Kanada. USSR pun bikin blok jugak. So pada 1955 USSR bikin Warsaw pack pulak dan anggotanya terdiri dari negara2 Eropah timur. Nato dan pakatan Warsaw sentiasa mencari pengaruh dan yg paling pentiang ialah kuasa tawar menawar senjata nuklearnya


Perang Dingin ni bermula dari 1945 sampai laa 1990 dgn kejatuhan USSR. USA masa tahun 50an ni mmg cemas2 nak kena serangan nuklear. Nasib baiklaa JF Kennedy ni gunakan saluran

diplomati atas isu Cuba ni...kalo ikut cakap jeneral2nya mmg WWII laa jawabnya. Bukan mudah USA mengemudi Nato dan negara2 lain yg berpihak dgn nya.

Ujian pertama USA ketika perang dingin ni ialah perang Korea pada 1950. USA terpaksa hantar beratus ribu askarnya ke Korea Selatan sebab nak halau askar Korea Utara (Komunis) yg dah mula masuk wilayah Korea Selatan. Bila askar Amerika ni masuk tolong Korea Selatan, China pulak hantar askar tolong Korea Utara, pastu USSR plak supply equipment seperti jet MiG 15 kat Korea Utara....last2 sangkut perang tgh2 sempadan sampailah gencatan senjata.

Pastu perang Arab Israel plak sampai 3 kali...Kat sini laa populariti USA jatuh merudum pasal beriya2 pi tolong Zionis tuu..dan USSR plak dah jadi macam hero kat dunia Arab pasai USSR tolong Arab (tolong ada makna tuu)...Pastu peristiwa yg amat pedih dalam sejarah USA ialah USA tewas kat Vietnam setelah 10 tahun berperang kat tanah Vietnam.

Kemudian dalam perang Afghanistan pada tahun 80an USA support Mujahideen lak kasi lawan sama USSR sampai hancur empayar USSR akibat perang Afghan nih....



Negara Nato dan Pakatan Warsaw serta dayang2nya masa Perang dingin dulu (Cold War)....Cer tengok Malaysia side sapa?

USA - Part 11

1950an

Sebelum ni pasai perang dingin, kali ni kita citer US dlm era 50s, ni dlm lingkungan perang dingin jugak ni. Sebelum ni rakyat Amerika kira dalam keadaan yg terok laa jugak, iye laa..30s great depression, 40s perang dunia kedua pulak, aaa 50s inilah masa depa ni semua nak naik. Tapi sebelum tu pada tahun 1945-50 depa suma gelar era baby boomed. Maksudnya jumlah kelahiran yg meningkat secara drastik kat USA. Apa taknya, kadang2 ramai suami baru sebulan dua kahwin dah kena panggil masuk askar. Budak2 umur 18 tahun pun kena panggil masuk askar, pastu berjuang kat Eropah dan Pasifik 3 ke 4 tahun...

So bila tamat perang je depa yg selamat balik laa dan budak2 18 tahn tu bila balik pun dah umur 21 ke atas dan depa semua kahwin dan hasilnya itulah Baby boomed. Dan jumlah perceraian pun meningkat jugak sebab ramai suami2 yg balik dah tak serupa suami dulu...dah macam org lain...masalah sosial jugak 5 tahun lepas perang. Tapi bila masuk 50s keadaan beransur2 pulih. Dan lagi industri US pun turut boomed. Nak membangunkan Eropah yg musnah tentulah bermacam2 industri kena support dan Industri2 USA laa yg menjadi tulang belakang pembangunan Eropah.


Jadi masalah unemployment boleh dikatakan takde. Taraf hidup penduduk pun semakin meningkat dan yg paling ketara adalah industri kereta depa. General motor ngan Ford motor sudah kuasai dunia dgn jutaan buah dikeluarkan saban tahun. Jeep Company pun sudah masuk line awam. Boleh dikatakan penduduk USA masa tu adalah yg paling mewah di dunia. Industri film bertambah boom. Syarikat2 besar seperti MGM, Paramount, Universal dll semuanya bikin filim besar2 punya, ni pun kuasai dunia jugak. Industri pertahanan...inilah industri yg paling banyak dapat manfaat.

Red Bear (USSR) sedang mengasak kat eropah timur dan Korea, takkan USA nak down lak. So industri pertahanan diberi keutamaan. Banyak jet2 fighter, bomber, recon...kapal2 carrier dan kemudian jadi supercarrier dibina dan tentera daratnya complete dgn ketakebal2 terkini dan juga teknoiloji missile dan roket tidak ketinggalan. Jadinya keseimbangan ekonomi USA semakin teratur. 50s juga dikenali sebagai Ike years. Ike ni sebenarnya ialah Jeneral Eisenhower yg memerintah pasukan berikat sejak D-Day masa WWII dulu. Dia masuk politik dan pada 1952 dia menang Presiden.

1956 pun dia menang lagi pasai rakyat puashati ngan dia kut...ya laa semuanya ada kerja! loaded pulak tu! Dasar luar Ike ni pun ok jugak. Ada satu kes kat asia barat iaitu Mesir. Presiden Mesir baru naik masa tu iaitu Gamal Nasser nak jadikan Terusan Suez tu hak Mesir. Britain ngan Perancis tak setuju...depa tak nyempat2 serang Mesir, Israel pun sama gak join pi masuk kat semenanjung Sinai. Tengah2 syok three's stooges ni membuli Mesir, aleh2 Ike arah 3 samdol tu hentikan serangan dan pi balik negara memasing...babulu je samdol2 tu.

3 negara tu kena ikut cakap USA pasai depa suma masih mendapat bantuan US lagi untuk upkan ekonomi depa suma. Ike pun consider gak, kang tak pasai2 Red Bear tu mengamok..payah lak kang! Tapi, walau apa pun tahun 50an adalah tahun honey mooners bagi rakyat Amerika

Serikat.....



Inilah contoh kereta Amerika era 50s. Bagak2 dan tough2 belaka..minyak takde hal, depa semua banyak duit...berbeza betul ngan keta buatan eropah yg kecik2 belaka, cuma kereta mewah Jerman seperti MBenz,BMW, Porsche yg depa pandang tinggi la sket masa tu. Kalo nak tgk keta2 bagak ni skang...pi laa ke Cuba!!!!

USA Part - 12

1960an

Dekad 60an lain macam sikit. Ramai yg nak lebih liberal lagi. Masa ni lah tumbuhnya Womans Liberation atau depa panggil Womans Lib. Wanita kat US nak hak sama rata ngan lelaki. Kuat jugak persatuan ni. Pastu ada plak kumpulan2 Hippies...tumbuh bagai cendawan dgn motto femes dia "PEACE" dan "FLOWER POWER". Asalnya pasai depa ni semua anti perang, ye laa, USA ni tak habis2 terbabit ngan perang, lebih2 lagi perang Vietnam yg mula USA join pada 1965.

Hippies ni merebak satu dunia. Sampai kerajaan US pun pening kepala dibuatnya. Dia kalo setakat anti perang je takpa laa, ni siap ngan masalah sosial, dadah dan malas kerja belaka. Semua rambut panjang, janggut panjang, pakai baju, seluar bunga2, van volkswagen kombi dia pun bunga2, pakai lilit kepala dan depa berjaya anjurkan perhimpunan terbesar iaitu Woodstock festival pada 1969.

Tak cukup lagi, pelajar2 Universiti selalu buat demo bantah pembabitan US dlm peperangan. Gomen dia masa tu lintang pukang gak. Mana nak lawan komunis, nak layan hal dlm negara, masalah perkauman tak habis2. Lagi satu pada 1963, Presiden JF Kennedy kena bunuh kat Dallas. Macam2 teori keluar sampai la sekarang ni.

Pada 1964, Beatles datang buat pertunjukan kat US, dan seterusnya mendominasi muzik style Beatles kat USA. Depa kata masa tu british telah kembali menjajah USA(dalam muzik laa). Masa ni jugak USSR adalah kuasa terpower sekali, walaupun USA pun power tapi jumlah senjata nuklear, alat2 perang konvensional USA kurang dari USSR. Jadi USA sentiasa dlm alert.

Cuba yg dekat ngan USA pun dah jadi anak angkat USSR, Pemberontakan 2 berlaku kat negara2 Amerika selatan yg pro USA. Jadi USA mmg tak boleh duduk diam macam tahun 50an dulu. Lagi satu depa berjaya mendarat kat bulan pada 1969. Iu pun pasai depa amik saintis Jerman masa WWII Werner Von Braun terajui projek ni. Kiranya penghujung tahun 60an, dgn suasana yg tak berapa menentu itulah pride USA...
kena pulak askar Amerika kat Vietnam yg semakin tertekan tuu.



Van kegemaran para Hippies dan aku sekali.....



Contoh makhluk hippies dulu2...bunga bungaaa!!!

USA Part - 13

1970s

USA ni masuk je 70s nampak macam nak ada problem. Perang Vietnam berlarutan. Bertambah ramai lagi warga dia amik masuk tentera pasai nak pi poskan ke Vietnam dan sampai satu tahap puncak iaitu 500 ribu anak muda USA. Pun tak menang2 jugak dan yg terbunuh sampai lebih kurang 50 ribu askar dia...50 ribu tu bai bukan 500....50 ribu...perang kat Iraq baru berapa....3 ribu je mati...ini kat Vietnam 50 ribu bai....

Tu yg cedera2 tu plak dekat2 300 ribu...seksa USA kat Vietnam tu tapi org Vietnam yg terkorban emmmm, lebihkurang dekat2 sejuta. Apalagi golongan Hippies bertambah rancak la gunakan flower power depa...Protes bertambah2 berarak sana berarak sini satu amerika. Gomen kena hadap 2 front...satu kat Vietnam dan satu lagi dlm negara. Dan akhirnya pada 1975, USA terpaksa keluar dari Vietnam.

Bukan keluar secara terhormat tetapi keluar kena terajang. USA cabut dari Vietnam. Semasa tentera Vietnama mara ke Saigon (Ho Chi Minh) askar2 USA dgn rakyat dia dan rakyat Vietnam yg nak lari berpusu2 naik heli nak keluar pegi kat aircraft carrier. Sampaikan crew carrier terpaksa buang helikopter2 yg parking kat atas kapa itu kat dlm laut pasai takde space heli2 yg datang bawak askar depa tu.

Mmg USA termalu habis pasai Vietnam ni...Peristiwa hitam dalam sejarah Amerika. Dan sebelum tu pulak Presiden Nixon ada skandal. Skandal Watergate sampai letak jawatan laa pakcik tu. Ntah pasai apa tah "pagar berair" ni...rasuah laa tu. Pastu pada 1973, sekutu rapat dia, Israel kena belasah dek Mesir pada awal perang Arab-Israel. beraurs tank dan jet Israel kanto i kena tibai dek askar Mesir sampai PM Israel Golda Meir letak jawatan laaa....

Bergegas laa pulak uncle samdol pi tolong.....lintang pukang gak USA nak pi tolong pasai besar sgt kemusnahan tentera Israel....lepas2tu baru dapat balik momentum utk Israel blasah balik Mesir dan kesudahannya perang tu seri. Dan Presiden Carter bikin satu perjanjian antara Presiden Anwar Sadat dan PM Menahem Begin dlm perjanjian Camp David...Kiranya dlm bab ni USA Victory laa.

Satu lagi ekonomi yg mula nak merudum masa 70an ni. Negara2 Arab pengeluar minyak telh memblockkan pengeluaran minyak ke USA dan negara2 eropah akibat pembabitan mereka tolong zionist IsraEL. Sampaikan stok minyak US licin laaa...minyak keluaran USA tak cukup nak tampung domestic dia...Raja Arab Saudi iaitu Almarhum Al-Malek Faisal mempunyai kekuatan ke atas negara2 Arab untuk block minyak.Dan last2 beliau terbunuh dan dalangnya biasa laaa....

Dan satu lagi kegiatan hobby mengumpul dan memasang scale model adalah waktu puncak kat America dan company Airfix mendominasi pasaran besar kat sana...hehehehe



Ingat gambar ni? Iconic foto perang Vietnam, perhatikan budak2 tu, hiba sungguh kalo tgkkan air muka depa dan kat blakang tu askar2 Vietnam Selatan. Gambar ni diambil selepas serangan bom napalm oleh Tentera udara Vietnam Selatan. Budak yg tanpa pakaian tu namanya ialah Phan Thi Kim Phuc. Dia cedera melecur. Tentera usara VS tersalah bom, depa ingat base Vietnam Utara...kesian budak2 tu, lari dlm ketakutan.

Kim Phuc kemudian membesar dibawah pemerintahan Komunis Vietnam dan gambar ni jadi gambar propaganda pihak komunis Vietnam selepas tamat perang. Dia belajar medical dan kemudian gomen hantar dia blaja kat Cuba. Lepas tamat blaja dia balik Vietnam la tp plane dia transit kat Kanada, kat sana dia minta suaka politik dari pihak Kanada dan dia dapat. Dia ni sekarang adalah warga Kanada dan juga adalah menjadi duta keamanan UN.

USA - Last part

1980s sampai le skang (2012)

70an kita dah tau US serba tak menentu. Baik dasar luar, ekonomi dan rakyat dia pun dah tak semewah tahun 50an dan 60an. Bila masuk era 80an suasana berubah sikit2...ada beberapa kemajuan dalm dasar luar dan penjanaan ekonomi. Boleh dikatakan era 80an ni adalah era Reagan. Presiden Ronald Reagan adalah Presiden USA yg ke 40 kalo tak silap laa. Dia pegang tampuk dari 1981 sampailaa 1989. Dia dapat 2 penggal dan itu adalah tempoh maksimum bagi setiap Presiden Amerika. Dia ni keras sikit bg negara2 yg tak sehaluan dgn Amerika. Tapi bg rakyat Amerika, Reagan adalah Hero.

Dia jugak laa yg melaksanakan teknologi prtahanan ala2 Star Wars sampaikan Soviet pun

tersentak. Dia ni jugak laa yg cucuk Saddam Hussein pi lawan sama musuh USA iaitu Iran. Ayatollah Khomenei sudah kasi jatuh sama anakdidik Amerika iaitu Shah Iran. Dan sudahnya 2 negara Islam ni berperang sampai memasing longlai selama 10 tahun. Tapi bagi situasi yg lain, Reagan sudah bantu kaw2 pejuang Mujahedeen Afghanistan kasi lawan penceroboh USSR yg mula masuk menjajah pada 1980....(tolong ada makna tuuu...)

Dan sudahnya USSR tergolek tergelantang kat tgn mujahedeen ni dan pada 1990 beredar dlm keadaan yg hina dari bumi Afghanistan. Kes ni serupa laa mcm USA kena halau dari Vietnam dulu. Dan seterusnya empayar USSR berkecai dan USA telah menjadi sesatunya super power. Kat dalam negara pulak, rakyatnya semakin yakin dgn hala tuju Reagan sementelahan peluang ekonomi bertambah2 dgn merudumnya pakatan Warsaw dan kebanyakan negara2 eropah timur tersebut memandang USA untuk pembangunan negara masing2.

Syarikat2 Amerika laa yg banyak dapat peluang dan peluang kerja semakin bertambah2. Space shuttle, internet,GPS...itu semua dari program2 ketenteraan Star Wars dan hasilnya skang untuk kegunaan awam. Pastu masuk era Bush. Bapak Bush kasi serang Iraq dlm perang teluk pertama. Pastu masuk masuk era Clinton, dia ni kurang perang sikit tp ekonomi mantap. Rakyat pun suka dia tp ada skandal pulak dgn Monica Lewinsky. Pastu masuk era anak Bush...kasi hamtam Iraq sampai Saddam kena gantung.

Pastu pada 11 sept 2001, serangan dari militan Arab. New York Twin Tower, Pentagon diserang dgn peluru yg dipandu. Peluru tu ialah kapalterbang penumpang widebody punya.....ini adalah serangan paling hebat ke atas bumi Amerika selepas serangan Pearl Harbor pada perang dunia kedua dulu pada 7 december 1941. Pastu.....aaah banyak lagi citer tp cukup sampai sini aje laa...ada balance lagi 11 tahun tu korek sendiri laaa...hehehehe